



## Undang-undang baharu disasarkan pada majikan yang tidak jujur

Undang-undang baharu akan melindungi migran di tempat kerja, melalui hukuman berat bagi kesalahan menyalahgunakan peraturan visa untuk mengeksploitasi pekerja migran sementara.

Beberapa peraturan di bawah Strengthening Employer Compliance Act (Akta Meneguhkan Kepatuhan Majikan) akan menegah majikan tidak jujur daripada mempergunakan peraturan visa, atau status imigresen yang menyalahi undang-undang, untuk mengeksploitasi mereka. Hukuman jenayah termasuk penjara 2 tahun dan/atau denda sebanyak 360 unit hukuman (ketika ini \$118,800). Hukuman sivil ialah denda sebanyak 240 unit hukuman (ketika ini \$79,200).

Langkah-langkah ini, bermula pada 1 Julai 2024, meliputi hal-hal berkaitan kerja dan bukan kerja yang mungkin timbul di tempat kerja. Antara lain, pekerja mungkin didesak supaya menyerahkan pasport, menerima keadaan penginapan yang tidak sempurna, melakukan hubungan seks yang tidak diingini, atau melanggar syarat visa berkaitan kerja. Peraturan baharu ini juga berkuat kuasa jika pekerja migran dibayar gaji terlalu rendah atau majikan mengancam untuk membatalkan visa mereka (majikan tidak boleh membatalkan visa).

Berikut ini ada beberapa contoh tingkah laku dalam rantaian penggajian yang mengeksploitasi migran dan melanggar peraturan.

### Majikan memaksa migran sementara supaya melanggar syarat visa

Salah satu peraturan baharu didasarkan pada majikan dan penyedia khidmat pihak ketiga yang mendesak pemegang visa sementara supaya melanggar syarat visa berkaitan kerja.

#### Kajian kes

Chen seorang pelajar antarabangsa di universiti Australia yang bekerja di stesen petrol. Chen bersetuju untuk bekerja di hujung minggu demi menampung perbelanjaan hidupnya.

Tetapi disebabkan tugas berlebihan, Chen bekerja melebihi 48 jam kerja setiap dua minggu yang dibenarkan dalam visa pelajarannya. Pengurus tahu perkara ini, tetapi masih memberi Chen syif tambahan. Pengurus juga membayar Chen gaji terlalu rendah.

Chen membangkitkan isu gaji ini kepada bosnya. Bos berkata, Chen mesti berdiam diri, jika tidak dia akan laporkan Chen kepada pihak berkuasa kerana bekerja melebihi syarat visa, dan akibatnya visa mungkin dibatalkan. Membayar gaji terlalu rendah atau membenarkan jumlah jam kerja melanggar syarat visa sudah pun menyalahi undang-undang. Di bawah langkah baharu ini, kesalahan tambahan itu turut dicetuskan.

### Syarikat *labour hire* mengeksploitasi pendatang tanpa dokumen

Salah satu peraturan baharu didasarkan pada majikan dan penyedia khidmat pihak ketiga yang mendesak warga asing tanpa visa yang sah supaya menerima aturan kerja tertentu.

#### Kajian kes

123 ialah syarikat labour hire yang membekalkan tenaga kerja untuk perniagaan hortikultur di serata Australia. Sally, yang sudah tamat visa pelancongnya, merupakan salah seorang pekerja sedemikian. Syarikat tahu Sally berada di Australia tanpa visa yang sah, tetapi masih menghantarnya bekerja.

Tidak lama kemudian Sally sedar dia dibayar kurang daripada rakan kerja yang lain, lalu membangkitkan hal itu. Syarikat berkata, sepatutnya sejak mula lagi dia tidak bekerja. Syarikat mengancam untuk melaporkannya kepada pihak berkuasa jika dia mengadu.

Syarikat *labour hire* itu sudah pun melanggar undang-undang dengan membenarkan Sally bekerja tanpa visa yang sah. Kemudian, gaji yang dibayar pula terlalu rendah. Di bawah kesalahan baharu ini, syarikat *labour hire* itu boleh dikenakan tuduhan jenayah tambahan.

### Majikan mempergunakan status visa sementara untuk mengeksploitasi pekerja

Satu lagi peraturan baharu didasarkan pada majikan dan penyedia khidmat pihak ketiga yang mendesak pemegang visa sementara supaya menerima atau bersetuju dengan aturan kerja tertentu – pokoknya, mengeksploitasi mereka dengan mempergunakan status visa sementara (atau apa-apa harapan visa akan datang).

#### Kajian kes

Nitia seorang gadis pekerja IT yang mendapat tajaan untuk bekerja di Australia. Dia sangat berharap akan diberikan taraf penduduk tetap di Australia satu hari kelak. Tidak lama selepas mula bekerja, pengurusnya mengeluarkan komen seksual dan tidak sopan, serta menyentuh tubuhnya secara tidak diingini apabila bercakap dengan Nitia. Apabila Nitia membangkitkan perkara itu, bosnya berkata jika Nitia menimbulkan masalah, dia tidak akan berpeluang ditaja bagi mendapatkan visa tetap. Gangguan seksual sahaja sudah menyalahi undang-undang. Di bawah kesalahan baharu ini pula, bos Nitia boleh menghadapi tuduhan jenayah tambahan kerana mempergunakan status visa untuk mengeksploitasinya.



[Hak-hak pekerja migran](#)



[Undang-undang baharu tentang eksploitasi pekerja migran](#)